

PM selar undang

BH - 1 JUN 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar kerajaan Pas Terengganu kerana cuba memperkenalkan undang-undang jenayah syariah yang dikatakan 'menzalimi wanita mangsa rogol, kerana tidak memberi keadilan.

Malah kata Perdana Menteri, draf undang-undang itu perlu dikemukakan kepada Kerajaan Pusat untuk diteliti Jabatan Peguam Negara terlebih dulu sama ada ia sesuai atau tidak.

Beliau berkata, parti pembangkang itu tidak me-

ngendahkan soal keadilan dengan hanya mengambil kira daripada sudut prosedur semata-mata.

"Dalam Islam, yang utama ialah keadilan. Kalau benda itu tak adil, kita tak boleh buat. Tetapi dia (Pas) nampak tak peduli tentang keadilan, dia kira dari segi prosedur.

"Prosedur tidak menentukan keadilan," katanya selepas mempengerusikan sesi kedua majlis dialog Belanjawan 2003 di sini.

Dr Mahathir berkata, undang-undang yang diperkenalkan oleh Pas itu adalah perkara baru.

"Dia tak pernah bagi ke-

pada kita pun undang-undang itu. Sepatutnya dia se-rah undang-undang itu kepada Jabatan Peguam Negara supaya dikaji sama ada secocok dengan undang-undang (kerajaan) Persekutuan dan secocok dengan konsep keadilan," katanya.

Ramai pihak termasuk pertubuhan wanita membantah terhadap Seksyen 9 Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu yang disifatkan menzalimi wanita mangsa rogol.

Mengikut seksyen itu, seseorang yang mengadu dirogol dengan tiada bukti yang

nyata atau tiada sebarang qarinah (bukti) boleh disabitkan kesalahan qazaf (membuat fitnah zina) dan dihukum dengan 80 kali sebatan.

Rang undang-undang itu dijangka dibentang pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, awal Julai ini.

Rabu lalu, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata pertubuhan wanita termasuk Dewan Muslimat Pas mendesak Kerajaan Pas Terengganu menggugurkan Seksyen 9 itu yang disifatkan 'satu lesen dan permit terbesar untuk wanita diro-

-undang Pas

gol di Terengganu'.

Bagaimanapun, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, semalam dipetik sebagai berkata bahawa beliau sedia menemui mana-mana pihak termasuk Shahrizat bagi membincang kandungan draf Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu itu.

Timbalan Presiden Pas berkata, ini kerana pelbagai kritikan yang dibuat terhadap draf itu lebih bersifat sebagai tuduhan yang tidak menemui sasaran kerana mereka yang memberi pandangan tidak mengha-

diri seminar berhubung rang undang-undang berkenaan.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, baru-baru ini juga meminta supaya Kerajaan Terengganu mendapatkan nasihat dan pandangan ilmuwan supaya tidak bertentangan dengan hukum sebenar.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata soal kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) dan perkara lain yang berkaitan masih dalam rundingan di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Cuepacs.

Katanya, beliau menye-

rahan soal itu kepada JPA untuk mengkaji dengan lebih mendalam sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat oleh kerajaan.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini bahawa JPA dan Cuepacs bersetuju pada dasarnya dengan hasil kajian semula SSB yang antaranya memperkenalkan beberapa kelebihan baru termasuk ganjaran RM1,000 kepada kakitangan awam cemerlang.

Difahamkan soal ganjaran itu tidak berbangkit dalam mesyuarat di antara JPA dan Cuepacs semalam.